

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 DISEMBER 2014 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Akta diperkenal untuk iktiraf kepakaran graduan university teknikal	Bername.com
2	Insecam removes default password cameras	The Malay Mail
3	CSI Halal pertama di dunia	Utusan Malaysia
4	Rising interest in sensor technologies	New Straits Times
5	Loji pembersihan air sungai semenyih pertama di Malaysia peroleh ISO 22301:2012	Bername.com



Akta Diperkenal Untuk Iktiraf Kepakaran Graduan Universiti Teknikal

BALIK PULAU, 30 Nov (Bernama) -- Nasib graduan universiti teknikal yang kini dianggap kelas kedua akan terbela dengan adanya satu akta baharu yang mengiktiraf peranan mereka sebagai ahli teknologi.

Timbalan Menteri Sains dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata Rang Undang-undang Teknologi dan Juruteknik 2014 itu telah dibentang di Parlimen Khamis lepas dan bacaan kedua dijangka dibuat Mac ini.

"Dengan adanya akta baharu ini kita harap boleh gerakkan profesion ahli teknologi dan sediakan laluan kerjaya yang lebih terarah kepada graduan teknikal," katanya kepada pemberita di sini Sabtu malam.

Beliau berkata ketika ini graduan teknikal tidak diiktiraf dari segi kepakaran oleh Lembaga Jurutera Malaysia namun keadaan itu boleh diubah kerana jurutera dan ahli teknikal sebenarnya saling melengkapi antara satu sama lain.

"Ahli teknikal pakar dalam pemasangan dan membina produk, jurutera pula uji dan menilai kekuatan produk tersebut," katanya.

Abu Bakar berkata langkah memperkenalkan akta itu bertujuan melahirkan lebih ramai pakar teknikal dalam negara dan gelaran 'Ts' (technologies) akan diberi kepada mereka yang diiktiraf sebagaimana penggunaan Ir untuk jurutera.

Dalam pada itu beliau berkata kementeriannya telah menyenarai 65 produk yang berpotensi untuk dikomersilkan untuk program 'beli balik' inovasi tempatan melibatkan peruntukan sebanyak RM50 juta.

Katanya program itu akan bermula awal tahun depan bagi memberi publisiti kepada produk terpilih sekali gus melonjak kadar pengkomersialan inovasi negara yang setakat ini hanya mencapai lapan hingga 10 peratus.

"Setiap produk itu akan dibeli dalam kuantiti kecil dan akan diberi kepada sektor seperti kesihatan, pertanian dan pendidikan sesuai dengan keperluan dan kegunaan masing-masing," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 1 DISEMBER 2014 (ISNIN)

Insecam removes default password cameras

KUALA LUMPUR — Insecam, the website streaming footage from live surveillance cameras around the world, is back in business, albeit with a reduced number of insecure online cameras.

As of noon yesterday, there were no public domain cameras from Malaysia being featured on the site compared with over 800 locations, including Kuala Lumpur, George Town and Sungai Petani, two weeks ago.

Yesterday, the number of video feeds from America dropped from over 4,000 to 997, while there were only 55 feeds as opposed to the more than 500 featured from the United Kingdom previously.

There were also over 2,000 live feeds from countries like Japan, the Netherlands, France, Indonesia, Thailand, Taiwan, Ecuador, Israel and Kenya.

The Russian-based website, believed to have been shut down last week, made several changes including streaming only from public cameras without password protection.

A disclaimer message was also displayed on screen, stating "Insecam has removed all cameras that still use default password settings".

"This way, none of the cameras on Insecam will invade anybody's private life," stated the administrator on the website homepage.

The administrator also pledged to remove camera links if email complaints were submitted, stating the steps were taken for the protection of individual privacy.

"We hope you will see the importance of taking steps to activate your camera's password," said the administrator.

It also changed its web address from *Insecam.com* to *Insecam.org*.

Insecam drew flak for airing live worldwide surveillance footage of houses, offices and businesses obtained from camera network systems using default passwords or no log-in codes.

On Nov 13, *Malay Mail* revealed how homes and business premises were left vulnerable after footage of their IP-based surveillance cameras were made available on *Insecam.com*.

Insecam claimed its site was designed "to show the importance of the security settings".

The website insisted the exercise was to educate the masses on the importance of using complex usernames and passwords when operating IP-based systems. However, users and authorities cried foul, insisting it was a violation of privacy, leaving them vulnerable to potential criminal threats.

The site's existence prompted UK Information Commissioner Christopher Graham to work with the US Federal Trade Commission and Australian, Canadian and Russian authorities to shut down Insecam.

During its hiatus since Monday last week, it was reported on BBC that the site's anonymous administrator had posted a job appeal, along with a list of skills and email addresses.

CyberSecurity Malaysia chief executive officer, Dr Amiruddin Abdul Wahab, said the agency's focus will now shift to more prevalent cyber threats such as online fraud and malware.

He credited the improved situation in the country to awareness raised by *Malay Mail*.

"We are glad the issue subsided on its own after the news reports. However, we will continue to monitor Insecam," he said.

"We hope Malaysian individuals and corporations would continue being more mindful of protecting their information by constantly updating their security and maintaining complex passwords."

CSI Halal pertama di dunia

TPM bantu tangani masalah kekeliruan berhubung isu halal dalam industri



KES jenayah terutama pembunuhan yang berjaya diungkit oleh pasukan CSI (*Crime Scene Investigation*) seperti yang ditonton sirinya di kaca televisyen cukup mengagumkan.

Setiap bahan bukti dari sekecil-kecil hingga sebesar-besarnya dicari dengan cukup teliti mengikut standard yang tinggi hingga menjadi satu dokumen yang cukup kukuh untuk membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan.

Kaedah yang sama juga dilakukan Polis Diraja Malaysia melalui unit CSI atau Jabatan Kimia (Bahagian Forensik) yang ditugaskan menyelesaikan setiap kes jenayah berat termasuk pembunuhan berprofil tinggi dengan tidak disangkal kreadibiliti mereka.

Konsep CSI itu menjadi sandaran Technology Park Malaysia menerusi anak syarikatnya, TPM Biotech untuk membangunkan CSI (*Contamination Scene Investigation*) Halal yang pertama di Malaysia dan dunia bagi merungkai kes sijil halal yang didapati positif berlaku pencemaran DNA babi dalam produk.

Melihat senario di Malaysia, isu halal masih menjadi perkara hangat yang diperbincangkan dalam kalangan masyarakat. Pasti masih lagi segar dalam ingatan umat Islam di negara ini mengenai beberapa isu membabitkan produk yang diragui status halalnya.

Antara yang paling menarik perhatian sebelum ini ialah coklat Cadbury hingga menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat mengenai status halal yang dimilikinya.

Dalam kes itu, keputusan analisis Kementerian Kesihatan bagi dua sampel coklat keluaran Syarikat Cadbury Confectionary (M) Sdn Bhd iaitu Cadbury Coklat Susu dan Kacang Hazel didapati positif mempunyai Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi.

Bagaimanapun, keputusan itu disangkal melalui analisis Jabatan Kimia, iaitu makmal yang diperakui Jabatan Kemajuan Agama Islam (Jakim) yang mengeluarkan status halal setelah mendapati tiada DNA babi dalam kedua-dua produk berkenaan.

Sudah pasti, keputusan berbeza ini membangkitkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat kepada pihak berwajib iaitu Jakim yang mengeluarkan sijil halal serta industri iaitu syarikat yang terbabit.

Namun, persepsi itu boleh diatasi sekiranya CSI Halal dapat digerakkan bagi merungkai kes itu untuk mencari kebenaran adakah produk itu benar-benar positif DNA babi atau sebaliknya serta mencari punca sebenar sesuatu produk itu didapati positif DNA babi.

Sudah tiba masanya Malaysia mempunyai CSI halal bagi membantu pihak berwajib seperti Jakim membuat keputusan yang tepat dan dalam masa yang sama memberi manfaat kepada pihak industri, menurut Pengurus TPM Biotech, Nor Amin Mohd. Noor.



SAMPEL yang akan dianalisis perlu dijaga supaya tidak tercemar.

Ini bagi membolehkan syarikat yang terbabit membersihkan nama mereka dengan mencari punca sebenar sama ada ia berlaku disebabkan sabotaj, kesilapan formula atau berlaku pencemaran dalam produk yang dijual di pasaran.

"Sekiranya dari laporan CSI yang dibuat didapati bersalah, pihak berwajib boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dan

masyarakat Islam akan merasa lebih yakin kerana terdapat satu siasatan yang menyeluruh ke atas produk dan syarikat itu," katanya.

Merangka penubuhannya sejak lebih empat tahun lepas, menurut Nor Amin, beliau mendapat idea itu daripada siri CSI yang ditonton di televisyen.

Melihat bagaimana sesuatu kes itu dibongkar dan diselesaikan dengan cukup teliti membuatkan beliau terfikir sesuatu kaedah yang sama bagi menyelesaikan kes membabitkan halal.

Beliau yang berpengalaman luas dalam analisis makmal halal, kemudian merangka satu mekanisme yang boleh dijadikan panduan dalam siasatan CSI Halal.

Apabila sesuatu produk itu didapati positif mempunyai DNA babi, kumpulan CSI Halal boleh digerakkan menjalankan siasatan dengan cukup teliti membuatkan

Antara perkara utama yang akan dicari dalam siasatan CSI Halal ialah mencari punca sesuatu produk itu didapati positif mempunyai DNA babi.

"Tiga elemen itu sabotaj, masalah di peringkat formulasi ataupun terdapatnya pencemaran dalam produk. Siasatan pula akan merangkumi semua peringkat secara terperinci dan menyeluruh," katanya.



NOR AMIN MOHD. NOOR



KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 9 TARIKH : 1 DISEMBER 2014 (ISNIN)

Mengambil contoh unsur sabotaj, antara yang akan dilihat ialah dari mana sampel itu diambil, siapa yang menghantar sample dan siapa yang mengambil sample itu untuk diuji.

Jika dari sudut formulasi pula, katanya, akan melihat sama ada syarikat itu mempunyai komuniti halal atau tidak kerana sekiranya mempunyai komuniti halal sudah pasti setiap bahan akan ditapis dan dipantau status kehalalannya sebelum memasuki kilang.

Jika tidak mempunyai komuniti halal, pakar dalam bidang formulasi akan menjalankan siasatan terperinci setiap bahan bagi adunan yang diguna.

Namun, bahagian yang paling mencabar ialah sekiranya didapati positif disebabkan pencemaran. Ia memerlukan kepakaran banyak pihak untuk mengesan dari mana punca pencemaran itu diperolehi, katanya.

"Seperti juga siasatan ke atas satu kes pembunuhan. Pastinya ketika pihak forensik menemui mayat, belum dapat gambaran bagaimana kes itu berlaku dan lokasi mangsa dibunuh. Ia memerlukan siasatan terperinci dengan melihat pelbagai kemungkinan," katanya.

Begitu juga siasatan kes halal, pelbagai kemungkinan akan dilihat seperti pencemaran di luar kawasan kilang terutama lori yang digunakan untuk menghantar produk itu.

"Semuanya akan diambil kira. Siapa yang bawa lori tersebut, siapa pemiliknya. Sebelum menghantar produk itu adakah pernah diguna untuk produk tidak halal yang mempunyai DNA babi. Jika ada, adakah ia disamak mengikut cara yang betul.

"Ia akan merangkumi perkara yang kecil hingga yang paling besar," katanya.

Selain di luar kawasan kilang, CSI Halal juga akan melihat kemungkinan penyimpanan seperti gudang, stor atau mungkin disebabkan pembungkusan yang tidak berkualiti hingga membolehkan DNA babi melekat.



Setelah semua keputusan dari semua bahagian yang diasas negatif, akhirnya CSI Halal akan masuk dan membuat pemeriksaan di makmal yang menjalankan analisis, yang menemui DNA babi dalam produk itu.

Tujuannya ialah untuk mengetahui apakah prosedur yang dilakukan ketika menjalankan analisis itu memenuhi standard yang betul dan dilakukan oleh mereka yang benar-benar terlatih.

Apakah berlaku pematuan standard operasi ketika menjalankan analisis itu. Semuanya akan diprintiskan bagi mencari jawapan bagi setiap persoalan sehingga satu rumusan dapat diperolehi, katanya.

"Pemeriksaan itu merangkumi banyak sudut sehingga siasatan lengkap untuk diserahkan kepada pihak berwajib. Dengan

adanya laporan ini, syarikat-syarikat dapat mempertahankan diri mereka yang kemungkinan tidak bersalah atau disabotaj," katanya. - BERNAMA

Tiga elemen itu sabotaj, masalah di peringkat formulasi ataupun terdapatnya pencemaran dalam produk. Siasatan pula akan merangkumi semua peringkat secara terperinci dan menyeluruh."



SEMAKIN ramai pihak luar ingin belajar daripada Makmal Halal TPM mengenai analisis halal.

Kekangan TPM Biotech

TPM mempunyai makmal sains halal yang lengkap dengan berkemampuan mengendalikan lima kaedah analisis halal iaitu melalui ujian DNA, ujian ke atas kandungan alkohol, polipeptida untuk produk berasaskan gelatin dan ujian ke atas trigliserid - bagi pengemulsi.

Selain itu, analisis atas bahan ester metil asid lemak bagi produk berasaskan minyak dan lemak, serta menawarkan kit ujian pesat memeriksa makanan dalam tin dan makanan haiwan.

Namun, tenaga pakar yang agak terhad iaitu hanya lapan orang menjadi kekangan kepada Makmal Sains Halal ini untuk digerakkan sepenuhnya sekiranya terdapat permintaan daripada pihak berwajib atau pihak tertentu untuk menyiasat melalui CSI Halal.

Pengurus TPM Biotech, Mohd Nor Amin berkata, Makmal Sains Halal TPM tidak boleh bergerak sendiri.

Sebaliknya memerlukan kerjasama kepakaran daripada institusi dan pihak lain terutama kepakaran dalam beberapa bidang yang berkaitan dalam siasatan antaranya pengangkutan, dalam bidang formulasi dan bidang polisi.

Selain itu Prosedur Operasi Standard (SOP) juga perlu diwujudkan di setiap peringkat siasatan bagi memudahkan anggota yang menjalankan siasatan, katanya.

"CSI Halal adalah satu perancangan besar yang melibatkan banyak pihak. TPM telah mempunyai keseluruhan konsep itu, cuma pengisian di setiap point-point dalam siasatan yang memerlukan kepakaran pihak lain.

"Kita telah menerima maklum balas positif dan sudah ada pihak yang menyatakan persetujuan untuk bekerjasama", katanya yang menjangkakan tempoh lima tahun bagi melengkapkan CSI Halal di Malaysia.

Buat masa ini, perkhidmatan

yang boleh diberikan ialah siasatan di peringkat asas sebelum mengorak langkah di peringkat lebih jauh.

"Masih banyak pihak yang tidak nampak lagi apa yang CSI Halal boleh berikan untuk membantu pihak berwajib dan industri.

"Sepertimana CSI bagi kes pembunuhan yang kehadirannya penting bagi merungkai setiap persoalan hingga menemukan jawapan, begitu juga CSI Halal yang dapat merungkai kes yang melibatkan produk halal", katanya.

Bukan sahaja di Malaysia, Makmal Sains Halal TPM turut melebarkan sayap ke negara luar seperti Korea, Brunei dan China bagi memberi kepakaran mereka.

Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Perkhidmatan Korporat TPM, Zulkifli Fitri Ismail berkata, industri halal yang sangat luas di seluruh dunia menyebabkan banyak negara mula melihat kepentingannya.

"Mereka memilih Malaysia kerana menyakini kita adalah negara yang ada kerana dalam pensijilan halal sejak lama.

"Kita dijemput membantu China bagi membangunkan Taman Teknologi Halal mereka, begitu juga di Korea yang meminta kepakaran kita untuk menubuhkan Makmal Sains Halal.

"Di Malaysia, kepakaran Makmal Sains Halal TPM juga diperakui dengan bekerjasama rapat dengan Jakim dan rakan-rakan industri," katanya.

Peruntukan sebanyak RM6 juta pada tahun lepas digunakan sepenuhnya bagi membangunkan Makmal Sains Halal secara menyeluruh.

"Sekarang kita sedang bangunkan teknologi untuk mengesan sama ada daging yang disembelih dan dijual di pasar dan pasar raya mengikut syariah atau tidak.

"Ini berdasarkan kebimbangan dan banyak isu berbangkit tentang isu penyembelihan yang diragui sejak kebelakangan ini," katanya.

-BERNAMA

Rising interest in sensor technologies

BEYOND EASY LIVING:

Automation may be the key to resolving global problems

IMAGINE a world without automation. Everything has to be done manually. No automatic car. No automatic packaging in factories. No automatic dispensing machine. Productivity would surely suffer.

Over the years, few would dispute that much of the increase in work productivity owes a lot to automation. In fact, our daily lives would be difficult without the many automatic gadgets that inventors have produced for the world.

The flush toilet is one example of automation at work. If not for the

automatic float mechanism, we would have to manually fill the tank every time we need to flush. The float automates the filling of water to the desired level for easy flushing.

A key component of automation is the sensing device. In the case of the flush toilet, it is the water-level sensor. Nowadays, the operation of many automated devices employs sensors for temperature, moisture, colour, pressure, and even the presence of harmful bacteria and toxic chemicals.

Recent years have witnessed a growing demand for automatic devices. They have become critical in manufacturing, transport and medical equipment, to name a few. They all require reliable sensors to function effectively.

Many are convinced that sensors offer the potential to provide the solutions to many of mankind's problems. In fact, sensors may even revolu-



Dr Ahmad Ibrahim is fellow of the Academy of Sciences Malaysia



A demonstration of Implant Sciences' QS-B220, the first non-radioactive explosives trace detector approved for screening purposes at United States airports. A sensor is an important component in such a device. AFP pic

tionise many aspects of our lives. One latest development is that scientists are experimenting with new sensors to provide early warning on natural disasters, such as landslides.

There are now seven billion people on earth. By 2050, the pre-

dition is that it will be 10 billion. They all need medical care. They all need to eat. Energy will continue to be indispensable. They all need clean water. Many such resources have shown signs of depletion.

This is why we need to treat the

Earth's resources more responsibly and use them more efficiently. In agriculture, for example, through better technologies, we are able to extract 10 times the yields we were getting 100 years ago. But, the downside can be seen in the over-

→ Continued next page

Boosting research investment the way to go

→ From Page 14

fertilisation of fields, which pollutes rivers with nitrates.

Sensors can help us here. In harvesting agricultural products, sensor technology can be used to record the exact yield in each part of the field. Areas with a high yield can be fertilised less the next time.

Another example is energy consumption. There are excellent sensor solutions that can be used to improve the energy efficiency of buildings by automatically switching off or on, according to the target temperature.

Many have also recognised the potential for sensors in healthcare. For example, there is concern that patients with malaria — a disease that is a menace in many parts of the world — are being treated with medication without the proven presence of the disease. This results in the development of antibiotic-resistant pathogens, requiring new medicines to be developed again and again. The list of such toothless antibiotics is growing. Unless proper action is taken to control the use of such medicines, we will soon see the reappearance of infectious diseases long declared as being no longer a threat.

This is where sensors can help. If we can develop low-cost sensors, we can limit medication to patients who are truly affected. This will reduce resistance problems.

Sensors can also help in diagnosis. Most disease diagnoses are carried out in large, expensive laboratories. We can develop a portable and cost-efficient sensor, which can come up with a quick diagnosis on-site with equal accuracy, without having to send samples long distances and wait for a long time. A faster diagnosis also means avoiding wrong treatment.

There is a growing demand for chemical sensors. The challenge for such sensors is that they can lose sensitivity over time. This is where more research is needed, especially in looking at new materials. We need to develop new materials that are not only sensitive, but also selective.

There is no doubt that we are experiencing a growing demand for sensors. These include not only electronic sensors, but increasingly, chemical and biological sensors. Sensors present new business opportunities. Therefore, it makes economic sense for us to increase research investment in sensor development.



Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih Pertama Di Malaysia Peroleh ISO 22301:2012

PUTRAJAYA, 29 Nov (Bernama) -- Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai loji pembersihan air pertama di Malaysia memperoleh pensijilan ISO 22301:2012 untuk Sistem Pengurusan Kesyukuran Perniagaan.

Dikendalikan Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS), anggota Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, loji pembersihan air itu dilengkapi teknologi terkini dan menghasilkan 680 juta liter air sehari (JLH) serta membekalkan air terawat ke Putrajaya, Cyberjaya, Puchong, Bandar Baru Bangi, Sepang dan Kuala Langat.

Pengarah Urusan MBOR Tan Sri Danny Ooi menyampaikan sijil pengiktirafan itu kepada Presiden Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang juga Pengerusi Konsortium ABASS Suhaimi Kamaralzaman.

Selain itu, **Pengarah Urusan SIRIM Qas International Sdn Bhd Khalidah Mustafa** menyampaikan sijil ISO 22301:2012 kepada Suhaimi.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Selangor Mohamed Azmin Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Harjeet Singh Hardev Singh.

Suhaimi berkata atas keprihatinan terhadap keselamatan masyarakat, ABASS sentiasa memastikan loji beroperasi dengan cekap serta mengambil kira potensi risiko yang boleh menjejaskan prestasi loji tersebut.

"Semua proses kritikal sentiasa dianalisis dan diambil tindakan sewajarnya bagi memastikan kesinambungan operasi loji terjamin dan bekalan air berterusan kepada pengguna," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Perakuan ISO itu adalah satu daripada mekanisme penilaian, penganalisisan dan pemantauan risiko yang bersifat keselamatan masyarakat serta penyediaan pelan tindakan kesinambungan perniagaan yang lebih efektif untuk memastikan bekalan air terawat tidak terjejas kepada pengguna.

Suhaimi berkata ABASS bertekad terus melaksanakan pelan kesinambungan perniagaan dan mematuhi pengiktirafan dan pensijilan sedia ada seperti MS ISO/IEC 17025:2005 (Akreditasi Makmal), MS ISO/IEC 27001:2007 (Sistem Pengurusan Keselamatan Informasi), MS 1480: 2007 (Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal) dan tujuh lagi pensijilan lain demi menjamin bekalan air mampan kepada pengguna.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata pengiktirafan pensijilan ISO itu membuktikan kerajaan Selangor melalui ABASS mampu mengendalikan industri perkhidmatan air di negeri itu.

"Tumpuan utama Air Selangor Sdn Bhd setelah mengambil alih industri perkhidmatan air ialah menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) yang masih tinggi dan ini akan dilakukan segera. Dengan rekod ABASS, kita yakin dapat mencapai sasaran," katanya.

Mengenai projek 'Hybrid Off River Augmentation System' (Horas) di Kuala Selangor, Mohamed Azmin berkata projek itu dijangka siap pada September tahun depan dan akan membekalkan air bersih 600 JLH kepada tiga loji rawatan air.

Beliau berkata projek di Kampung Sungai Darah itu sudah 35 peratus siap dan mampu membekalkan 160 JLH.

"Projek Horas penting untuk menjayakan projek Mitigasi 2 untuk meningkatkan keupayaan mengeluarkan air terawat di loji rawatan SSP1, SSP3 dan loji rawatan Rasah," katanya.

Horas adalah gabungan konsep 'Off River Storage (ORS)' dan 'Horizontal Collector Well' yang melibatkan sistem penakungan hujan dari Sungai Selangor dan penakungan air bawah tanah.

-- BERNAMA